



Faculty of Applied and Creative Arts

**UKIRAN PATUNG KENYALANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT  
IBAN DI SARAWAK**

**ROBSON PANGGABIAN ANAK JUDI@GINDI**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian**

**(Pengurusan Seni)**

**2016**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (√)  
Final Year Project Report  
Masters  
PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....day of .....2016.

**Student's Declaration:**

I, ROBSON PANGGABIAN ANAK JUDI@GINDI, 43838, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle UKIRAN PATUNG KENYALANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
Date submitted

\_\_\_\_\_  
Robson Panggabian anak Judi@Gindi(43838)

**Supervisor's Declaration:**

I DR.ANNA DURIN hereby certifies that the work entitled **UKIRAN PATUNG KENYALANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a\* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by : \_\_\_\_\_ Date: \_\_\_\_\_

(Dr. Anna Durin)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)\*
- OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: \_\_\_\_\_ Supervisor Signature: \_\_\_\_\_  
(Robson Panggabian anak Judi@Gindi) (Dr. Anna Durin)

Current Address:

LOT 533, LORONG 5 TAMAN SRI JAYA PARK, 95000 SRI AMAN,SARAWAK

Note\* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service]

Catatan :\* Tesis dimaksudkan tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk “**Ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan Masyarakat Iban di Sarawak**” telah disediakan oleh **Robson Panggabian anak Judi@Gindi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Dr. Anna Durin)

Tarikh:

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa bahagian daripada penyelidikan dalam diserta ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.

.....

(ROBSON PANGGABIAN ANAK JUDI@GINDI)

No. Matrik: 43838

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menghasilkan sebuah projek bertajuk '*Ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak*'. Saya amat berbesar hati kerana telah berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir (PTA) mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Ribuan terima kasih juga kepada Dr. Anna Durin kerana telah banyak membantu sepanjang proses melaksanakan tugas ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna kepada saya agar menghasilkan sebuah projek yang mempunyai kualiti dan bersesuaian dengan syarat yang dikehendaki universiti.

Ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga yang turut menyumbang kepada kejayaan penghasilan projek ini. Mereka telah banyak membantu dari segi kewangan, nasihat dan dorongan kepada saya untuk terus gigih menyiapkan tugas ini. Sokongan daripada mereka amat berharga kepada saya agar tidak mudah berputus asa dalam menempuh halangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang turut membantu dalam menyiapkan tugas ini. Perkongsian maklumat dengan mereka telah banyak memberi manfaat sekali gus melancarkan lagi proses menyiapkan tugas berkenaan. Keadaan ini juga telah meningkatkan pemahaman saya berkaitan dengan tugas ini.

# Isi kandungan

## Bab 1 Pengenalan Kajian

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masyarakat Iban.....	2
1.2.1 Pakaian Tradisi Masyarakat Iban.....	3
1.2.2 Perayaan Masyarakat Iban.....	4
1.2.3 Makanan Tradisi Masyarakat Iban.....	5
1.2.4 Perkahwinan Masyarakat Iban.....	7
1.2.5 Latar Belakang Patung Kenyalang.....	8
1.2.6 Latar Belakang Ukiran Kayu.....	8
1.2.7 Latar Belakang Sri Aman.....	9
1.2.8 Latar Belakang Rumah Panjang Rampun Wie.....	11
1.2.9 Latar Belakang Muzium Sarawak.....	13
1.2.10 Latar Belakang Sarawak.....	15
1.3 Permasalahan Kajian.....	16
1.4 Objektif Kajian.....	18
1.5 Hipotesis Kajian.....	18
1.6 Soalan Kajian.....	20
1.7 Kepentingan Kajian.....	21
1.8 Skop Kajian.....	23

1.9 Kerangka Kajian.....	23
1.10 Kekangan Kajian.....	26
1.11 Rumusan.....	26
<b>Bab 2 Sorotan Kesusteraan</b>	
2.1 Pengenalan.....	27
2.2 Patung Kenyalang.....	27
2.3 Ukiran Kayu.....	29
2.4 Corak Ukiran.....	31
2.5 Pengolahan Bentuk Ukiran.....	34
2.6 Pemilihan motif berdasarkan teknik mengukir .....	35
2.7 Masyarakat Iban.....	36
2.8 Rumusan.....	37
<b>Bab 3 Metodologi Kajian</b>	
3.1 Pengenalan.....	38
3.2 Kaedah Perpustakaan.....	38
3.3 Kaedah Pemerhatian.....	49
3.4 Kaedah Temubual.....	40
3.5 Dokumentasi.....	41
3.6 Analisis Kajian.....	41



3.7 Informan.....	42
3.8 Lokasi Kajian.....	43
3.9 Rumusan.....	44
 <b>Bab 4 Hasil Dapatan</b>	
4.1 Pengenalan.....	45
4.2 Konsep Ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban.....	46
4.2.1 Pemilihan motif .....	46
4.2.2 Material yang digunakan dalam pengukiran Patung Kenyalang.....	51
4.2.3 Pantang larang berkaitan ukiran Patung Kenyalang.....	66
4.3 Pengurusan Patung Kenyalang di Muzium Sarawak.....	73
4.4 Pengurusan Kewangan.....	73
4.5 Pengurusan Sumber Manusia.....	75
4.5.1 Bidang Tugas.....	75
4.5.2 Jadual Kerja.....	83
4.3.3 Pengurusan Pemasaran.....	84
4.3.3.1 Medium yang digunakan.....	84
4.3.3.2 Hubungan baik antara muzium tempatan dan antarabangsa.....	86
4.3.3.4 Latihan Industri.....	86
4.3.3.5 Penyelidikan Orang Luar di Muzium Sarawak.....	87

4.4 Perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang dahulu dan sekarang.....	87
4.4.1 Fungsi Patung Kenyalang pada dahulu.....	88
4.4.2 Fungsi Patung Kenyalang pada masa kini.....	96
 <b>Bab 5 Kesimpulan dan Cadangan</b>	
5.1 Kesimpulan.....	101
5.2 Cadangan.....	105
5.2.1 Pengkaji akan datang.....	106
5.2.3 Pengukir Patung Kenyalang.....	106
5.2.4 Penubuhan organisasi yang menyediakan kelas mengukir Patung Kenyalang.....	106
5.3 Rumusan.....	107
Glosari.....	108
Bibliografi.....	112
Lampiran.....	114

## Abstrak

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah mengenai ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak.. Patung Kenyalang merupakan salah satu ukiran yang terkenal dalam masyarakat Iban. Hal ini kerana Patung Kenyalang sememang diukir oleh masyarakat Iban sejak dahulu lagi. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kualitatif. Tujuan kajian ini dijalankan pula untuk mengenalpasti konsep ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban. Dalam konsep ukiran Patung Kenyalang ini akan dilihat mengenai pemilihan motif, material yang digunakan untuk mengukir dan pantang larang berkaitan Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban. Perkara yang dikaji ialah perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang pada masa dahulu dan sekarang. Maklumat-maklumat dikumpul dan diperoleh daripada informan di rumah panjang Rampun Wie, Sri Aman. Penyelidikan yang dijalankan juga adalah mengenai pengurusan Patung Kenyalang di Muzium Sarawak. Pengurusan yang dikaji mengenai pengurusan Patung Kenyalang di Muzium Sarawak ialah pengurusan kewangan, sumber manusia dan pemasaran. Pengurusan yang dikaji untuk melihat keberkesanan pengurusan yang digunakan Muzium Sarawak. Maklumat-maklumat berkaitan pengurusan ini diperoleh daripada informan dari pegawai dan kakitangan Muzium Sarawak. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa sememangnya wujud konsep,, pengurusan di muzium dan perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak.

## Abstract

*This research is about carving the Statue of Hornbills in Sarawak Iban community in Sarawak .. The statue is one of the famous sculptures in the Iban community. This is because the Statue of Hornbills are carved by the Iban community since time immemorial. The method used in this research is qualitative. The aim of this study was to identify the concept of carving Statue Iban community in Sarawak. Hornbill statue carved in the concept will be seen on the selection of motifs, the material used to carve and taboos related Statue Hornbills among the Iban community. This research also see the functional differences Statue carving hornbills in the past and now. The information collected and obtained from informants in longhouses Rampun Wie, Sri Aman. Research is also conducted on the management of the Statue of Hornbills in Sarawak Museum. Management assessed the management of the Statue of Hornbills in Sarawak Museum is the management of finance, human resources and marketing. Management assessed the effectiveness of management's use of the Sarawak Museum. Related information obtained from informants management of officers and staff of the Sarawak Museum. The findings prove that the inherent concept, management in museum and functional differences in the sculpture statue Hornbills in the Iban community in Sarawak.*

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menghasilkan sebuah projek bertajuk '*Ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak*'. Saya amat berbesar hati kerana telah berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir (PTA) mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Ribuan terima kasih juga kepada Dr. Anna Durin kerana telah banyak membantu sepanjang proses melaksanakan tugas ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna kepada saya agar menghasilkan sebuah projek yang mempunyai kualiti dan bersesuaian dengan syarat yang dikehendaki universiti.

Ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga yang turut menyumbang kepada kejayaan penghasilan projek ini. Mereka telah banyak membantu dari segi kewangan, nasihat dan dorongan kepada saya untuk terus gigih menyiapkan tugas ini. Sokongan daripada mereka amat berharga kepada saya agar tidak mudah berputus asa dalam menempuh halangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang turut membantu dalam menyiapkan tugas ini. Perkongsian maklumat dengan mereka telah banyak memberi manfaat sekali gus melancarkan lagi proses menyiapkan tugas berkenaan. Keadaan ini juga telah meningkatkan pemahaman saya berkaitan dengan tugas ini.

## Isi kandungan

### Bab 1 Pengenalan Kajian

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masyarakat Iban.....	2
1.2.1 Pakaian Tradisi Masyarakat Iban.....	3
1.2.2 Perayaan Masyarakat Iban.....	4
1.2.3 Makanan Tradisi Masyarakat Iban.....	5
1.2.4 Perkahwinan Masyarakat Iban.....	6
1.2.5 Latar Belakang Patung Kenyalang.....	8
1.2.6 Latar Belakang Ukiran Kayu.....	8
1.2.7 Latar Belakang Sri Aman.....	9
1.2.8 Latar Belakang Rumah Panjang Rampun Wie.....	11
1.2.9 Latar Belakang Muzium Sarawak.....	13
1.2.10 Latar Belakang Sarawak.....	15
1.3 Permasalahan Kajian.....	16
1.4 Objektif Kajian.....	18
1.5 Hipotesis Kajian.....	19
1.6 Soalan Kajian.....	21

1.7 Kepentingan Kajian.....	22
1,8 Skop Kajian.....	23
1.9 Kerangka Kajian.....	24
1.10 Kekangan Kajian.....	26
1.11 Rumusan.....	27

## **2.0 Sorotan Kesusteraan**

2.1 Pengenalan.....	28
2.2 Patung Kenyalang.....	28
2.3 Ukiran Kayu.....	30
2.4 Corak Ukiran.....	33
2.5 Pengolahan Bentuk Ukiran.....	35
2.6 Pemilihan motif berdasarkan teknik mengukir .....	37
2.7 Masyarakat Iban.....	38
2.8 Rumusan.....	38

## **Bab 3 Metodologi Kajian**

3.1 Pengenalan.....	39
3.2 Kaedah Perpustakaan.....	39

3.3 Kaedah Pemerhatian.....	40
3.4 Kaedah Temubual.....	41
3.5 Dokumentasi.....	42
3.6 Analisis Kajian.....	42
3.7 Informan.....	43
3.8 Lokasi Kajian.....	44
3.9 Rumusan.....	45

**Bab 4 Hasil Dapatan**

4.1 Pengenalan.....	47
4.2 Konsep Ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban.....	48
4.2.1 Pemilihan motif .....	48
4.2.2 Material yang digunakan dalam pengukiran Patung Kenyalang.....	53
4.2.3 Pantang larang berkaitan ukiran Patung Kenyalang.....	69
4.3 Pengurusan Patung Kenyalang di Muzium Sarawak.....	76
4.4 Pengurusan Kewangan.....	75
4.5 Pengurusan Sumber Manusia.....	77
4.5.1 Bidang Tugas.....	78



4.5.2 Jadual Kerja.....	85
4.3.3 Pengurusan Pemasaran.....	86
4.3.3.1 Medium yang digunakan.....	86
4.3.3.2 Hubungan baik antara muzium tempatan dan antarabangsa.....	87
4.3.3.4 Latihan Industri.....	88
4.3.3.5 Penyelidikan Orang Luar di Muzium Sarawak.....	89
4.4 Perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang dahulu dan sekarang.....	89
4.4.1 Fungsi Patung Kenyalang pada dahulu.....	89
4.4.2 Fungsi Patung Kenyalang pada masa kini.....	98
 <b>Bab 5 Kesimpulan dan Cadangan</b>	
5.1 Kesimpulan.....	103
5.2 Cadangan.....	107
5.2.1 Pengkaji akan datang.....	107
5.2.3 Pengukir Patung Kenyalang.....	107
5.2.4 Penubuhan organisasi yang menyediakan kelas mengukir Patung Kenyalang.....	108
5.3 Rumusan.....	109
Glosari.....	110

Bibliografi..... 114

Lampiran.....117

## Abstrak

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah mengenai ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak.. Patung Kenyalang merupakan salah satu ukiran yang terkenal dalam masyarakat Iban. Hal ini kerana Patung Kenyalang sememang diukir oleh masyarakat Iban sejak dahulu lagi. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kualitatif. Tujuan kajian ini dijalankan pula untuk mengenalpasti konsep ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban. Dalam konsep ukiran Patung Kenyalang ini akan dilihat mengenai pemilihan motif, material yang digunakan untuk mengukir dan pantang larang berkaitan Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban. Perkara yang dikaji ialah perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang pada masa dahulu dan sekarang. Maklumat-maklumat dikumpul dan diperolehi daripada informan di rumah panjang Rampun Wie, Sri Aman. Penyelidikan yang dijalankan juga adalah mengenai pengurusan Patung Kenyalang di Muzium Sarawak. Pengurusan yang dikaji mengenai pengurusan Patung Kenyalang di Muzium Sarawak ialah pengurusan kewangan, sumber manusia dan pemasaran. Pengurusan yang dikaji untuk melihat keberkesanan pengurusan yang digunakan Muzium Sarawak. Maklumat-maklumat berkaitan pengurusan ini diperolehi daripada informan dari pegawai dan kakitangan Muzium Sarawak. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa sememangnya wujud konsep,, pengurusan di muzium dan perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak.

## Abstract

*This research is about carving the Statue of Hornbills in Sarawak Iban community in Sarawak .. The statue is one of the famous sculptures in the Iban community. This is because the Statue of Hornbills are carved by the Iban community since time immemorial. The method used in this research is qualitative. The aim of this study was to identify the concept of carving Statue Iban community in Sarawak. Hornbill statue carved in the concept will be seen on the selection of motifs, the material used to carve and taboos related Statue Hornbills among the Iban community. This research also see the functional differences Statue carving hornbills in the past and now. The information collected and obtained from informants in longhouses Rampun Wie, Sri Aman. Research is also conducted on the management of the Statue of Hornbills in Sarawak Museum. Management assessed the management of the Statue of Hornbills in Sarawak Museum is the management of finance, human resources and marketing. Management assessed the effectiveness of management's use of the Sarawak Museum. Related information obtained from informants management of officers and staff of the Sarawak Museum. The findings prove that the inherent concept, management in museum and functional differences in the sculpture statue Hornbills in the Iban community in Sarawak.*

## **Bab 1**

### **Ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan Masyarakat Iban di Sarawak**

#### **1.1 Pengenalan Kajian**

Kajian ini adalah berkenaan dengan ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Patung Kenyalang merupakan salah satu ukiran kayu yang terkenal dalam kalangan masyarakat Iban pada masa dahulu. Hal ini kerana Patung Kenyalang pada masa dahulu diukir atau dihasilkan dalam pelbagai kegunaan atau fungsi. Pada masa dahulu Patung Kenyalang selalu digunakan dalam upacara ritual oleh masyarakat Iban iaitu digunakan dalam Gawai Kenyalang. Walaubagaimanapun, pada masa kini sangat sukar untuk melihat atau mencari pengukir-pengukir Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban yang mahir. Kajian ini akan mengenalpasti konsep ukiran Patung Kenyalang dalam kalangan masyarakat Iban. Perkara-perkara yang akan dikenalpasti dalam konsep ini ialah pemilihan motif, material yang digunakan untuk mengukir Patung Kenyalang dan pantang larang yang berkaitan ukiran Patung Kenyalang. Kajian mengenai konsep seni ukiran Patung Kenyalang akan dijalankan iaitu di rumah panjang Rampun Wie, Sri Aman.

Pengurusan ukiran Patung Kenyalang di Muzium Sarawak juga telah dikaji . Antara pengurusan yang akan dikaji ialah berkaitan seni ukiran Patung Kenyalang di Muzium Sarawak ialah pengurusan kewangan, sumber manusia dan pemasaran. Pengurusan ini sangat penting dalam memastikan warisan seni ukiran Patung Kenyalang kekal dan tidak pupus ditelan zaman serta dapat dilihat oleh generasi muda pada masa akan datang.

Kajian ini juga membuat perbezaan fungsi ukiran Patung Kenyalang pada zaman dahulu dan sekarang. Antara perkara yang dilihat ialah kegunaannya pada zaman dahulu dan sekarang iaitu sama ada terdapat perbezaan atau sama sahaja.

## 1.2 Latar Belakang Masyarakat Iban

Masyarakat Iban dikenali sebagai Dayak Laut dan mereka berasal dari Kalimantan, Indonesia.. Ada yang mengatakan bahawa masyarakat Iban berasal dan bermigrasi daripada Kalimantan. Tempat asal migrasi masyarakat Iban ke Sarawak ialah di Lubok Antu. Dari Lubok Antu mereka membina di kawasan di kawasan seperti Batang Ai, Sungai Skrang, Saribas dan Layar Basin.(Junkerstoff, 1994).

Masyarakat Iban merupakan salah satu kaum yang terdapat di Malaysia. Mereka merupakan antara kaum majoriti yang ada di Sarawak. Masyarakat Iban juga mempunyai bilangan 30% daripada keseluruhan bilangan masyarakat yang di Sarawak. Masyarakat Iban juga mempunyai pelbagai keistimewaan dan sejarahnya yang tersendiri. Penempatan masyarakat Iban dahulu bergantung kepada faktor geografi sesebuah kawasan. Hal ini kerana masyarakat Iban dahulu bergantung kepada sumber makanan yang diperolehi daripada kawasan tersebut mengumpul hasil hutan dan memburu binatang. Faktor geografi juga penting bagi masyarakat Iban dahulu untuk mereka bercucuk tanam.

Masyarakat Iban dikenali sebagai masyarakat yang tinggal di rumah panjang. Selepas menetap di sesebuah kawasan, masyarakat Iban membina rumah panjang sebagai tempat tinggal. Rumah panjang merupakan rumah yang dibina secara bersambung dan didiami penduduk sesuatu kawasan tersebut. Rumah panjang pada masa dahulu merupakan seni bina yang diperbuat daripada kayu dan tiang yang tinggi dan dinaiki dengan tangga umbang. Rumah dahulu dibina kerana untuk melindungi daripada serangan musuh, banjir dan serangan binatang buas. Rumah panjang sesuatu kawasan dalam kalangan masyarakat Iban diketuai oleh seseorang yang dikenali sebagai “Tuai Rumah”. “Tuai rumah berperanan melindungi penduduk di sesuatu kawasan tersebut serta menyelesaikan masalah yang berlaku di kawasan tersebut. Jawatan sebagai ‘Tuai

Rumah” tidak diwarisi secara turun-temurun tetapi dilantik oleh wakil keluarga penduduk yang berada di rumah panjang tersebut.

Masyarakat Iban dahulu juga dikenali dengan amalan “ngayau” atau memenggal kepala. *Ngayau* merupakan amalan membawa balik atau memotong kepala musuh semasa berperang. Masyarakat Iban pada masa tersebut juga percaya bahawa kepala manusia yang dibunuh memberi kekuatan, kebaikan dan kemakmuran dalam kehidupan mereka. *Ngayau* juga melambangkan keberanian seseorang lelaki atau pahlawan. Semakin banyak kepala manusia yang dipenggal, semakin tinggi lambang kegagahan seseorang lelaki tersebut. Namun demikian, selepas masyarakat Iban menganuti agama Kristian, amalan tersebut telah ditinggalkan dan tidak lagi diamalkan sehingga kini.

### **1.2.1 Pakaian Tradisi Masyarakat Iban**

Masyarakat Iban sememangnya mempunyai pakaian tradisi mereka yang tradisi. Pakaian tradisi ini telah digunakan daripada dahulu lagi. Bagi pakaian tradisi lelaki masyarakat Iban dikenali sebagai *Baju Burung*. Baju burung merupakan baju yang ditunen yang bermotifkan burung atau corak-corak cantik yang lain. *Baju burung* dipakai seperti baju biasa tetapi tidak bertutup dan dada lelaki tersebut dalam keadaan yang terdedah. Baju burung dipakai juga tidak bertutup lengan. *Baju burung* dipakai dalam upacara tertentu sahaja seperti perayaan, tarian upacara keramaian, dan juga dipakai semasa menyambut *pengabang*. *Baju burung* ini masih kekal dan digunakan sehingga sekarang. Selain memakai baju burung, lelaki juga memakai *sirat*. *Sirat* dipakai dan dililit dipaha dan di celah kangkang lelaki. Pada bahagian kepala pula, lelaki Iban menggunakan *lanjang*. *Lanjang* merupakan objek seperti topi. *Lanjang* dihiasi dengan bulu burung merak atau bulu *Burung Ruai*.

Wanita masyarakat Iban juga mempunyai pakaian tradisi tersendiri. Pakaian tradisi wanita masyarakat Iban dikenali sebagai Ngepan Iban. Ngepan Iban dihasilkan daripada kain tenunan yang mempunyai corak-corak yang cantik. Dalam pemakaian Ngepan Iban, pakaian tersebut juga akan dilengkapi oleh peralatan perhiasan seperti sugu tinggi, tali mulung, rawai, buah pauh, gerunchung, sementing, lampit dan selampai. Mengikut cerita lama, Ngepan Iban ini dipercayai daripada pakaian yang dipakai oleh seorang gadis cantik masyarakat Iban pada masa dahulu. Selain itu juga, Kumang juga seorang gadis yang mempunyai kemahiran membuat pekerjaan wanita seperti menenun, ngebat, menganyam, dan kerja-kerja wanita yang lain.

### **1.2.2 Perayaan Masyarakat Iban**

Masyarakat Iban juga mempunyai perayaan yang disambut seperti masyarakat lain di Malaysia. Perayaan yang disambut oleh masyarakat Iban ialah Gawai Dayak. Gawai Dayak disambut sebagai tanda berakhirnya musim menuai dan bermula musim menuai yang baru. Gawai Dayak ini juga disambut sebagai tanda terima kasih kepada *Petara*(Tuhan) kepada hasil rezeki yang diperolehi dalam kehidupan mereka.

Gawai Dayak disambut pada malam 31 Mei. Gawai Dayak akan disambut secara besar-besaran oleh masyarakat Iban. Pada masa perayaan Gawai Dayak ini juga selalunya disertakan korban binatang seperti babi, ayam dan binatang yang yang lain. Di samping itu juga, pelbagai jenis makanan lain akan dihidangkan dan dimakan bersama seperti lemang, ayam pansuh, roti jala, roti sarang semut dan juga air tuak.

Upacara Miring juga diadakan pada perayaan Gawai Dayak. Upacara *Miring* diadakan pada hari pertama Gawai Dayak di mana wakil setiap bilik keluarga akan bergilir-gilir dari bilik ke bilik sepanjang ruai rumah panjang tersebut. Upacara Miring tersebut diadakan sebagai tanda